

BAHAGIAN A:

Arahan: Jawab semua soalan berikut.

1. Antara berikut, yang manakah ciri petempatan bandar?
- A. rumah tradisional
 - B. sector pertanian
 - C. penduduk padat
 - D. kemudahan minimum

Jawapan: _____

2. Apakah ciri petempatan luar bandar Malaysia?
- A. jumlah penduduk melebihi 10 ribu orang
 - B. kegiatan ekonomi berasaskan perkhidmatan
 - C. rumah dibina rapat-rapat untuk menjimatkan tanah
 - D. kepadatan penduduk 50 orang per kilometer persegi

Jawapan: _____

3. Maklumat di bawah merujuk kepada pola petempatan

- rumah dibina sepanjang jalan raya
- kelihatan hampir seragam

- A. berjajar
- B. berpusat
- C. berselerak
- D. berkelompok

Jawapan: _____

4. Apakah jenis pola petempatan yang terdapat di Felda Trolak, Perak?
- A. berjajar
 - B. berpusat
 - C. berselerak
 - D. berkelompok

Jawapan: _____

5. Bandar manakah berfungsi sebagai bandar pelabuhan?
- A. Shah Alam
 - B. Port Dickson
 - C. Klang
 - D. Pekan

Jawapan: _____

6. Apakah pola petempatan yang dibina di kawasan berikut?

- pinggir laut
- sepanjang tali air dan terusan

- A. berjajar
- B. berpusat
- C. berselerak
- D. berkelompok

Jawapan: _____

7. Apakah fungsi bandar berikut?

- Perai (Pulau Pinang)
- Shah Alam (Selangor)

- A. bandar pelabuhan
- B. bandar pelancongan
- C. bandar perindustrian
- D. bandar teknologi maklumat

Jawapan: _____

8. Apakah fungsi utama bandar putrajaya?

- A. pusat pendidikan
- B. pusat pentadbiran
- C. pusat pelancongan
- D. pusat perindustrian

Jawapan: _____

9. Apakah bandar X?

Bandar X menempatkan pangkalan tentera

- A. Lumut
- B. Putrajaya
- C. Pasir Gudang
- D. Tanjung Malim

Jawapan: _____

10. Antara berikut, pasangan manakah yang betul?

	Bandar	Fungsi
A	Kerteh	Bandar pelancongan
B	Cyberjaya	Bandar pentadbiran
C	Rantau Panjang	Bandar sempadan
D	Senawang	Bandar pelabuhan

Jawapan: _____

11. Antara berikut, manakah fungsi petempatan luar bandar di Malaysia?

- i. pusat perindustrian berat
- ii. pentadbiran kawasan setempat
- iii. pusat pengumpulan hasil pertanian
- iv. bandar sokongan kepada bandar utama

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

Jawapan: _____

BAHAGIAN B:

Arahan: Jawab semua soalan berikut.

1. Nyatakan **dua jenis** petempatan yang terdapat di Malaysia.

- i. _____
- ii. _____

2. Nyatakan **tiga ciri** petempatan **bandar** di Malaysia.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____